

PRAKTIS SPM

4



Kertas 1

1. Mengapakah British Military Administration (BMA) diperkenalkan di Tanah Melayu?

BUKU
STILS
94

- I Menentang tentera Jepun
- II Mengembalikan keamanan
- III Memulihkan kepercayaan rakyat
- IV Meningkatkan taraf hidup penduduk
- A I dan II C II dan III
- B I dan IV D III dan IV

2. Apakah ciri-ciri Perlembagaan Malayan Union?

BUKU
STILS
97

- I Kewarganegaraan *jus soli*
- II Kewujudan sebuah kesatuan
- III Kekuasaan Raja-raja Melayu diperkukuhkan
- IV Keistimewaan penduduk peribumi terpelihara
- A I dan II C III dan IV
- B II dan III D I dan IV

3. Mengapakah British melakukan tindakan berikut?

BUKU
STILS
97

Singapura diasingkan daripada pentadbiran Malayan Union.

- A Mengawal keselamatan rakyat British
- B Menggalakkan kemasukan pelabur asing
- C Mengurangkan kuasa politik orang Melayu
- D Menjamin kepentingan sebagai pelabuhan bebas

4. Raja-raja Melayu menjadi Ahli Majlis Raja-raja dalam sistem pentadbiran Malayan Union.

BUKU
STILS
97

Apakah fungsi Raja-raja Melayu dalam sistem pentadbiran tersebut?

- A Menjamin hak istimewa orang Melayu
- B Mengutip zakat fitrah daripada orang Islam
- C Membincangkan soal agama dan adat istiadat Melayu
- D Menasihati Pesuruhjaya British dalam urusan pentadbiran

5. Apakah tindakan Sir Harold MacMichael untuk mendapatkan persetujuan Sultan Kelantan menandatangani perjanjian Malayan Union?

BUKU
STILS
99

- A Mengadakan rundingan
- B Mengugut diturunkan takhta
- C Menawarkan ganjaran lumayan
- D Menghapuskan hak orang Melayu

6. Apakah akhbar Melayu yang menyuarakan bantahan terhadap pembentukan Malayan Union?

BUKU
STILS
102

- I Berita Harian
- II Warta Negara
- III Utusan Melayu
- IV Lembaga Malaya
- A I dan II C II dan III
- B I dan IV D III dan IV

7. Jadual berikut berkaitan dengan Kongres Melayu.

BUKU
STILS
105

Tarikh	11 Mei 1946
Lokasi	Istana Johor

Apakah yang diputuskan dalam kongres tersebut?

- A Penubuhan UMNO
- B Pemansuhan Malayan Union
- C Pembubaran Kesatuan Melayu Muda
- D Pemulauan majlis pelantikan Gabenor

8. Mengapakah Vyner Brooke menyerahkan pentadbiran Sarawak kepada kerajaan British pada tahun 1946?

BUKU
STILS
107

- I Ancaman Jepun
- II Masalah pewarisan takhta
- III Desakan kerajaan British
- IV Pemberontakan dalam negeri
- A I dan II C II dan III
- B I dan IV D III dan IV

9. Apakah reaksi kakitangan awam Sarawak terhadap arahan yang dikeluarkan oleh British?

BUKU
STILS
110

Pekeliling No. 9/1946
(Circular No. 9)

- A Meletakkan jawatan
- B Mengadakan demonstrasi
- C Mematuhi arahan kerajaan
- D Mengadakan rundingan damai

10. Mengapakah penyerahan Sabah kepada British tidak mendapat bantahan penduduk tempatan?

BUKU
STILS
117

- A Kekurangan kesedaran politik
- B Kelemahan sistem perhubungan
- C Ketiadaan pemimpin berwibawa
- D Kerjasama British dengan pembesar